

Asas-Asas Mengarang

1. Menulis pendahuluan
2. Jenis-jenis perenggan
3. Penutup
4. Menganalisis soalan
5. Ciri-ciri karangan yang baik
6. Kaedah untuk merangka karangan
7. Panduan umum

1. Menulis Pendahuluan:

Sekurang-kurangnya ada **lima (5) jenis pendahuluan iaitu:**

a. Pendahuluan jenis definisi

Jenayah ditakrifkan sebagai perbuatan yang melanggar undang-undang atau peraturan. Jenayah bukan sahaja membabitkan orang dewasa malahan remaja dan kanak-kanak.

b. Pendahuluan jenis pendapat

Menurut Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir, pencemaran alam sekitar berpunca daripada kegiatan pembangunan dan pembakaran secara terbuka. Walau bagaimanapun, Pembangunan tidak boleh diberhentikan sama sekali.

c. Pendahuluan jenis suasana

Pada cuti sekolah yang lalu, Nabila sekeluarga telah melancong ke Pulau Tioman. Mereka menaiki bot ke sana. Bot mereka merempuh laut biru yang bergelombang.

d. Pendahuluan jenis soalan

Setiap orang perlukan kecemerlangan untuk menjamin kejayaan bagi diri mereka. Apakah yang dikatakan kecemerlangan? Apakah dengan kecemerlangan boleh membuatkan seseorang itu berjaya?

e. Pendahuluan jenisperibahasa

Peribahasa Melayu “ **sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna**” dan “**seperti aur dengan tebing**”. Amat sesuai ke arah mewujudkan masyarakat penyayang yang anggota-anggotanya mengamalkan sifat-sifat yang menggambarkan wujudnya hubungan kasih sayang dalam sesebuah komuniti

2. Jenis-jenis Perenggan:

2.1 Perenggan Deduktif

- a. Isi penting
- b. Huraian isi
- c. Contoh-contoh

Contoh:

Jantung mengepam darah. Darah dipam oleh jantung ke seluruh bahagian badan dan kembali ke jantung semula. Proses mengepam darah ini menyebabkan jantung berdenyut sepanjang hayat kita.

2.2 Perenggan Induktif

- a. Huraian isi
- b. Contoh-contoh
- c. Isi penting

Contoh:

Organ ini merupakan otot yang berongga dan mempunyai empat ruang yang dinamakan aurikel kanan, aurikel kiri, ventrikel kanan dan ventrikel kiri. Saiznya kira-kira sebesar gengaman kita. Organ yang penting di dalam tubuh badan itu ialah jantung.

3. Penutup

Penutup merupakan kesimpulan terhadap pendapat yang telah dikemukakan.

Ingat !

- Kesimpulan mestilah lembut tetapi berkesan.
- Jangan mengulang isi-isi yang telah dikemukakan.
- Gunakan penanda wacana yang sesuai.

Contoh:

Kesimpulannya, kita perlulah lebih berhati-hati apabila menerima kedatangan pekerja asing kerana pelbagai masalah sosial yang dibawa oleh mereka. Mereka seharusnya ditapis sebelum diterima bekerja di negara kita.

4. **Menganalisis soalan:**
- Baca dengan teliti
 - Gariskan perkara-perkara penting yang menjadi kata kunci dalam soalan.

Contoh:

Kamu kurang berpuas hati dengan beberapa rancangan televisyen tempatan. Kamu ingin membuat teguran dan seterusnya memberi cadangan untuk memperbaiki kelemahan tersebut
Tuliskan sepuccuk surat kepada pihak yang berkenaan.

Format		Surat Kiriman Rasmi
	1	Kurang puas hati dengan beberapa rancangan televisyen
	2	Sebab-sebab tidak berpuas hati
	3	Cadangan untuk memperbaiki kelemahan

5. **Ciri-ciri karangan yang baik:**

5.1 Ketetapan Isi

Karangan yang ditulis mestilah **menepati kehendak** dan tajuk soalan. Sesebuah karangan sebaik-baiknya mempunyai **empat isi**.

5.2 Kejelasan Karangan

Pemilihan kata dan ayat hendaklah jelas dan mudah difahami. Elakkan penggunaan kosa kata atau ejaan yang salah bagi mengelakan pemotongan markah.

5.3 Gabungan Idea / Perkaitan Isi

Perkaitan idea yang baik dand kemas akan menghasilkan karangan yang baik. Oleh itu, calon perlu memastikan idea keseluruhan karangan, unsur fakta yang betul dand mesej yang tepat dan mudah difahami pembaca. Karangan juga perlu mempunyai idea yang berkaitan antara satu sama lain dand mengikut urutan.

5.4 Kematangan Persembahan

Kelancaran bahasa akan menunjukkan kematangan karangan. Oleh itu, usur tatabahasa seperti penggunaan tanda baca, ejaan, imbuhan, variasi ayat dan kosa kata amat ditekankan. Pemerenggan karangan yang baik termasuk pendahuluan dand penutup juga boleh menunjukkan kematangan karangan.

5.5 Kreativiti

Karangan yang baik mestilah diolah dengan kreatif dan menarik. Karangan akan lebih berkesan jika calon meletakkan atau melibatkan diri secara terus dalam karangan tersebut. Calon juga digalakkan menyelitkan peribahasa, pantun atau penggunaan dialog dalam karangan.

6. Kaedah Merangka Karangan:

Contoh:

1. Peta Minda (Rujuk **Lampiran A**)
2. Kata Tanya (Rujuk **Lampiran B**)


7. Kaedah Merangka Karangan:

- 7.1 Fahami betul-betul kehendak soalan
- 7.2 Merangka karangan: menyusun pendahuluan, isi dan penutup.
- 7.3 Peruntukan masa hanya 60 minit. Calon perlu menjawab dua soalan. Satu karangan tidak boleh ditulis melebihi 30 minit.
- 7.4 Gunakan bahasa yang mudah dan lancar.

Lampiran A


Sebagai seorang pemberita kamu mendapat maklumat tentang suatu kebakaran. Tulis berita tersebut.

KAEDAH PETA MINDA



Lampiran A

KAEDAH PETA TANYA



Mengapakah beliau dipilih sebagai ahli sains negara